

Informal Learning Experiences Among Automotive Workshop Entrepreneur in Kota Tinggi, Johor

Pengalaman Pembelajaran Informal dalam kalangan Pengusaha Bengkel Automotif di Kota Tinggi, Johor

Nur Amelina Nadira, Mohd Azhar Abd Hamid*, Irmawati Norazman, Kassim Thukiman, Mohd Nasir Markom, Muhammed Fauzi Othman, Mohd. Koharuddin Balwi

School of Human Resource Development and Psychology, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: m-azhar@utm.my

Article history: Received: 28 June 2021 Received in revised form: 11 July 2021 Accepted: 25 July 2021 Published online: 05 August 2021

Abstract

This research purpose is to examine the informal learning among automotive workshop entrepreneurs. Three research objectives such as informal learning factors, informal learning strategies and informal learning effects are also identified. This study used a case study by using a qualitative method. Semi-structured interviews have been used for data collection. By using purposive sampling, five automotive workshop entrepreneurs in Kota Tinggi were selected as respondents. The findings show that individual needs, environment, interests, motivations and job requirements have been factors that help automotive workshop entrepreneurs involved in informal learning. In addition, reading materials, electronic media, observation, consulting with experts and try and error are informal learning strategies that have been used. Moreover, the effects of informal learning can be seen as the enhancement of knowledge and skills. Meanwhile, there has been a positive change in the attitude of automotive workshop entrepreneurs. This study also provided suggestions for improvement to future researchers.

Keywords: Adult learning, informal learning, case study, automotive workshop, self-directed learning

Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji pembelajaran tidak formal dalam kalangan pengusaha bengkel automotif. Tiga objektif kajian ini adalah faktor, strategi dan kesan pembelajaran tidak formal. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes dengan menggunakan kaedah kualitatif. Temubual separuh struktur telah digunakan untuk pengumpulan data. Dengan menggunakan persampelan bertujuan, lima pengusaha bengkel automotif di Kota Tinggi dipilih sebagai informan. Hasil kajian menunjukkan bahawa keperluan individu, persekitaran, minat, motivasi dan keperluan pekerjaan menjadi faktor yang membantu pengusaha bengkel automotif yang terlibat dalam pembelajaran tidak formal. Di samping itu, bahan bacaan, media elektronik, pemerhatian, berbincang dengan pakar dan cuba jaya adalah strategi pembelajaran tidak formal yang telah digunakan. Kesan pembelajaran tidak formal berlaku dalam kalangan informan adalah peningkatan pengetahuan dan kemahiran. Selain itu, terdapat perubahan positif terhadap sikap pengusaha bengkel automotif. Kajian ini juga turut memberi cadangan untuk prnsmbshbsiksn kepada penyelidik pada masa depan.

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji pembelajaran tidak formal dalam kalangan pengusaha bengkel automotif. Tiga objektif kajian ini adalah faktor, strategi dan kesan pembelajaran tidak formal. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes dengan menggunakan kaedah kualitatif. Temubual separuh struktur telah digunakan untuk pengumpulan data. Dengan menggunakan persampelan bertujuan, lima pengusaha bengkel automotif di Kota Tinggi dipilih sebagai informan. Hasil kajian menunjukkan bahawa keperluan individu, persekitaran, minat, motivasi dan keperluan pekerjaan menjadi faktor yang membantu pengusaha bengkel automotif yang terlibat dalam pembelajaran tidak formal. Di samping itu, bahan bacaan, media elektronik, pemerhatian, berbincang dengan pakar dan cuba jaya adalah strategi pembelajaran tidak formal yang telah digunakan. Kesan pembelajaran tidak formal berlaku dalam kalangan informan adalah peningkatan pengetahuan dan kemahiran. Selain itu, terdapat perubahan positif terhadap sikap pengusaha bengkel automotif. Kajian ini juga turut memberi cadangan untuk prnsmbshbsiksn kepada penyelidik pada masa depan.

Kata kunci: Pembelajaran dewasa, pembelajaran informal, kajian kes, pengusaha automotif, pembelajaran arahan sendiri

© 2021 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENGENALAN

Pembelajaran dewasa semakin diberi perhatian di Malaysia dan ia merupakan topik penting dalam pembangunan sumber manusia (Mohd. Azhar, 2018). Secara umumnya, menurut Rogers (2014), terdapat tiga bentuk pembelajaran dewasa iaitu pembelajaran formal, bukan formal dan informal. Pembelajaran informal ialah pembelajaran yang tidak mempunyai struktur seperti di dalam bilik darjah dan mempunyai guru (Rogers, 2014). Pembelajaran itu berlaku secara spontan, santai dan bersifat berdikari. Pembelajaran informal merangkumi pembelajaran arahan sendiri (Kremer, 2006). Hal ini kerana, proses pembelajaran yang berlaku adalah dikawal sepenuhnya oleh pelajar itu sendiri. Pembelajaran informal yang berlaku dalam kehidupan seharian sama ada di tempat kerja atau di mana-mana dapat meningkatkan pengetahuan dan juga kemahiran individu. Hal ini kerana, pembelajaran informal mampu memberi kesan terhadap beberapa perkara seperti ekonomi, professional, pendidikan dan boleh menyumbang kepada peningkatan dalam alam pekerjaan (Cullen et al., 2000). Dalam konteks di tempat kerja terdapat lapan perkara yang boleh dipelajari secara informal di tempat kerja, antaranya ialah prestasi tugas, prestasi peranan dan tanggungjawab, kesedaran dan pemahaman tentang pekerjaan, pengetahuan dan kemahiran akademik, pembangunan individu, kerjasama, membuat keputusan, penyelesaian masalah dan penilaian (arrick, 1998; Nik Mahmood, 2005; Abdullah, 2006; Omar, 2006). Pembelajaran yang berlaku di tempat kerja dapat membantu meningkatkan kompetensi justeru memberi kesan yang positif kepada prestasi kerja yang dilakukan (Rogers, 2014). Selain itu, pembelajaran yang berlaku melalui pengalaman dalam kehidupan seharian ini dapat membantu meningkatkan motivasi seseorang untuk tampil sebagai individu lebih baik lagi khususnya di tempat kerja mahu pun di luar tempat kerja (Marsick dan Watkins, 2018)

Pernyataan Masalah

Pembelajaran informal khususnya di tempat kerja semakin mendapat perhatian dalam kalangan sarjana dan pengkaji dalam bidang pembangunan organisasi mahu pun pembelajaran dewasa (Marsick dan Watkins, 2018). Hal ini kerana pembelajaran informal bukan sahaja berkesan kepada diri individu tetapi ia juga suatu pelaburan yang rendah dan memberi kelebihan daya saing kepada sesebuah organisasi (Rogers, 2014). Justeru, pembelajaran informal di tempat kerja menjadi suatu trend penting kepada individu dan organisasi dalam meningkatkan bukan sahaja kompetensi pekerja tetapi juga bagi mewujudkan sesebuah organisasi pembelajaran kompetitif dalam konteks pembangunan bakat dan modal insan.

Di Malaysia, kajian berkaitan pembelajaran informal mula berkembang pada awal tahun 2000 khususnya dalam bidang pembelajaran dewasa. Namun begitu, para sarjana dan pengkaji lebih memberi fokus terhadap domain pembangunan latihan. pembangunan Latihan pula dalam domain pembangunan sumber manusia mewakili domain pembelajaran nonformal. Justeru, pembelajaran nonformal khususnya berkaitan dengan Latihan pekerja mendapat tempat yang istimewa berbanding pembelajaran informal itu sendiri (Mohd. Azhar, 2018). Bagaimana pun, pembelajaran informal menjadi semakin penting dan diminati oleh pengkaji bila mana ia dilihat sebagai wahana penting dalam meningkatkan pembangunan dan perkembangan individu dalam pelbagai perkara seperti kerjaya, minat dan hobi, keusahawanan, kemahiran teknikal dan vokasional (TVET) malah apa saja yang melibatkan penambahbaikan dalam pengetahuan, kemahiran dan sikap seseorang individu (Mohd. Azhar, 2018)

Menurut Suhaila (2018), Rang Undang Undang (RUU) Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Motor telah menetapkan bagi sesiapa yang ingin menjalankan perniagaan dalam bidang automotif perlulah mempunyai lesen dan lesen akan diberikan jika mekanik tersebut bertauliah. Tambahnya lagi, tempoh akan diberikan kepada yang sudah mempunyai perniagaan untuk menghadiri kursus tertentu bagi mendapatkan sijil kemahiran. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan kerajaan seperti itu mengurangkan lagi peluang para mekanik yang tidak mempunyai pendidikan formal untuk menceburi bidang automotif walaupun mereka terdiri daripada golongan yang mahir dalam bidang automotif kerana pengalaman yang diperolehi melalui pembelajaran informal.

Selain itu, pelbagai aspek telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas bagi meneroka pola pembelajaran informal. Saziana (2007) telah menjalankan kajian ke atas kakitangan Ranhill Water Services Johor Bahru, Johor mengenai pola pembelajaran informal. Hasil kajian menyatakan bahawa tahap penglibatan kakitangan dengan pembelajaran informal adalah tinggi dan tujuan pembelajaran adalah bagi memenuhi matlamat peribadi, jangkaan luar dan peningkatan profesional. Kaedah yang paling penting digunakan untuk pembelajaran informal adalah komunikasi dengan orang lain dan faktor yang mempengaruhi mereka untuk terlibat dalam pembelajaran informal ialah minat, persekitaran dan tempat kerja. Seterusnya, Zulkarnain (2006) menjalankan kajian mengenai pola pembelajaran informal ke atas staf Kumpulan Pendidik Yayasan Pelajaran Johor (KPYPJ), Johor Bahru. Hasil kajian menyatakan bahawa tahap penglibatan staf terhadap pembelajaran informal adalah tinggi, strategi pembelajaran informal di KPYPJ adalah dengan cara melayari internet, media interaktif dan *cd rom* sebagai kaedah utama dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan pembelajaran informal ialah dari institusi itu sendiri seperti kemudahan yang disediakan tidak lengkap dan keadaan pembelajaran yang kurang kondusif.

Berikut merupakan pola pembelajaran informal daripada bidang yang berbeza. Oleh yang demikian, bagaimana pula pola pembelajaran dalam kalangan pengusaha bengkel automotif. Justeru kajian ini dijalankan untuk memahami pengalaman pembelajaran informal dalam bidang kemahiran teknikal iaitu pengusaha bengkel automotif. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk menambahkan lagi bilangan kajian mengenai pembelajaran informal yang berbentuk kualitatif di Malaysiakhususnya dalam disiplin pembangunan sumber manusia dan sekali gus boleh digunakan sebagai rujukan untuk pengkaji-pengkaji pada masa akan datang.

Objektif Kajian


Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- i. mengenalpasti faktor-faktor yang membantu pengusaha bengkel automotif melibatkan diri dalam pembelajaran informal.
- ii. mengenalpasti strategi pembelajaran yang terlibat dalam pembelajaran informal dalam kalangan pengusaha bengkel automotif.
- iii. memahami kesan pembelajaran informal ke atas pengetahuan, kemahiran dan sikap pengusaha bengkel automotif.

■2.0 KAJIAN LITERATUR

Model Pembelajaran Informal

Model pembelajaran informal dan insidental dalam Rajah 1 adalah berdasarkan Ellinger dan Cseh (2007) dan telah diadaptasi semula oleh Marsick dan Watkins (1999). Model pembelajaran informal di atas menggambarkan pembelajaran informal berlaku dalam suatu pusingan yang sempurna. Pembelajaran berlaku menerusi penyebab atau keinginan individu untuk belajar tentang sesuatu perkara. Penyebab atau pencetus ini muncul dalam bentuk masalah yang dihadapi oleh individu dalam konteks pekerjaannya. Masalah yang dihadapinya akan cuba diselesaikan dengan cara memanfaatkan pengalaman lalu dan yang sedang dilalui oleh individu. Pada tahap ini, individu akan menggunakan pengalaman lama dan baru untuk mencari solusi kepada masalah yang sedia wujud itu. Maka, individu perlu merangka suatu strategi pembelajaran menerusi pelbagai medium yang ada seperti menggunakan semua derianya untuk menyerap penyelesaian yang diperolehi menerusi pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan masalah yang dihadapinya. Pada tahap berikutnya, menerusi strategi pembelajaran yang sesuai dan selari dengan karakter individu serta kebolehcapaiannya terhadap sumber-sumber pembelajaran individu akan menghasilkan cadangan penyelesaian sesuai dengan masalah yang dihadapinya itu. Proses penilaian terhadap kualiti pengetahuan, sikap dan kemahiran yang diperoleh tersebut dilakukan dengan cermat dan berhati-hati sehinggalah individu benar-benar



menguasai ilmu baru daripada masalah yang dihadapinya dalam konteks pekerjaannya. Segala pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperolehi oleh individu ini akan dapat membina kepakaran tertentu dalam sesuatu aktiviti pekerjaannya. Pembelajaran informal pada tahap terakhir ini akan memberi kelebihan kepada individu dalam menghadapi masalah dan cabaran di tempat kerja.

Rajah 1 Model Pembelajaran informal dan pembelajaran insidental yang diadaptasi oleh Marsick dan Watkins (1999).

Erlinger dan Cseh (2007) meringkaskan pembelajaran informal seperti;

(i) *Bersepadu dengan tugas dan rutin harian*

Pembelajaran informal adalah aktiviti yang bersepadu dengan tugas dan rutin harian. Secara tidak sedar sebenarnya seseorang individu itu mengakumulasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap. Kesepaduan ini akan menjadi lebih mantap dan kukuh kepada pembangunan kerjaya selain membina keyakinan tinggi terhadap pekerjaannya dalam jangka panjang.

(ii) *Disebabkan oleh gangguan dalaman atau luaran*

Pembelajaran informal berlaku akibat daripada suatu peristiwa pencetus dalaman seperti keinginan seseorang untuk menjadi lebih mahir dalam pekerjaannya. Ia juga mungkin akibat faktor luaran iaitu kemahuan individu untuk menjadi seorang novelis tersohor. Justeru, dorongan dalaman dan luaran ini seolah-olah menjadi rangsangan kepada individu untuk belajar sesuatu yang diinginkan tanpa paksaan.

(iii) *Tidak sedar*

Pembelajaran informal berlaku tanpa disedari oleh seseorang individu. Keunikan pembelajaran informal adalah individu belajar tanpa dirinya sedar ia sedang belajar sesuatu.

(iv) *Seringkali tidak sengaja dan dipengaruhi secara kebetulan.*

Selain individu tidak menyedari bahawa ia sedang belajar, pembelajaran informal juga berlaku secara tidak sengaja dan kebetulan. Ia membawa maksud dalam keadaan apa pun sebenarnya seseorang individu itu sedang belajar sesuatu secara mendalam.

(v) *Proses refleksi dan tindakan induktif.*

Sungguhpun, pembelajaran informal itu dipelajari tanpa sedar, spontan dan tidak disengajakan tetapi ia memerlukan kekuatan mental iaitu refleksi dalam mengkonstruksi makna pembelajarannya iaitu individu dapat memahami apa yang dipelajarinya menerusi kekuatan refleksi.

(vi) Berkaitan dengan pembelajaran orang lain

Pembelajaran informal tidak wujud dalam vakum dan ia merupakan suatu inisiatif yang interaktif dan integratif. Dalam konteks di tempat kerja misalnya, pembelajaran informal berkaitan dengan pembelajaran orang lain dan ini berlaku menerusi pelbagai ragam seperti semasa bengkel, mesyuarat dan perbincangan.

Faktor Pembelajaran Informal

Nor Atiqah (2015) menjalankan kajian tentang faktor pendorong dan penghalang pembelajaran informal yang melibatkan 106 kakitangan Majlis Perbandaran Kulai mendapati bahawa terdapat 5 faktor pendorong yang menyumbang kepada pembelajaran informal. Faktor yang pertama mempengaruhi kakitangan Majlis Perbandaran Kulai terlibat dalam pembelajaran informal ialah faktor individu. Hal ini kerana, hasil kajian beliau bertepatan dengan hasil kajian Dunn (2009) yang menyatakan bahawa pembelajaran informal ini dipengaruhi oleh keperluan individu dan bukan keperluan organisasi. Seterusnya, faktor minat kakitangan itu sendiri, diikuti dengan faktor keperluan kerja. Kakitangan kurang memahami atau mahir dalam tugas kerja yang perlu dilakukan, disebabkan itu kakitangan terlibat dalam pembelajaran informal. Kemudian faktor yang seterusnya ialah faktor motivasi iaitu pembelajaran informal berlaku atas dasar keinginan kakitangan yang ingin melakukannya atas dasar untuk memperolehi ganjaran. Faktor pendorong yang terakhir ialah persekitaran. Persekitaran di Majlis Perbandaran Kulai mempengaruhi kakitangan untuk terlibat dalam pembelajaran informal.

Sharafizad (2018) telah membuat kajian berkaitan pembelajaran informal yang melibatkan 28 pemilik wanita perniagaan kecil di Australia Barat. Hasil kajian mendapati pemilik wanita perniagaan kecil lebih memilih pembelajaran informal berbanding pembelajaran formal. Hal ini kerana, pemilik perniagaan tidak pertimbangkan untuk menghadiri latihan formal seperti yang dilakukan semasa membangunkan perniagaan mereka. Berdasarkan keputusan kajian ini, pemilik wanita perniagaan kecil tidak percaya bahawa mereka memerlukan seorang guru untuk membantu pembelajaran mereka. Sebaliknya, mereka mempunyai pendekatan sendiri untuk belajar secara informal dan bergantung kepada pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka yang sedia ada. Tambahnya lagi, pemilik wanita perniagaan kecil itu mempunyai tahap keberkesanan diri dan keyakinan diri yang tinggi untuk belajar secara bebas. Selain itu, kekangan masa dan sumber juga menjadi salah satu faktor pemilik wanita perniagaan kecil memilih pendidikan informal, mereka menganggap bahawa mereka dapat mengakses pengetahuan dengan lebih cepat melalui akses internet dan bertanyakan kepada kenalan dalam rangkaian mereka.

Strategi Pembelajaran Informal

Pembelajaran informal memetingkan strategi pembelajaran bagi membolehkan individu memaksimumkan kebolehcapaian terhadap 'apa', 'bila', 'kenapa', 'di mana', dan 'bagaimana' sesuatu pengetahuan itu dapat diakses secara maksimum. Strategi pembelajaran informal sangat bergantung kepada keupayaan dan kebolehan individu menggunakan pelbagai strategi yang ada dalam mahu pu di luar persekitaran pembelajarannya. Jamil (2014) telah menjalankan kajian mengenai pembelajaran informal yang melibatkan 145 orang guru mata pelajaran Teknologi Kejuruteraan di seluruh Malaysia. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti kaedah pembelajaran informal yang digunakan dalam kalangan guru mata pelajaran Teknologi Kejuruteraan. Hasil kajian mendapati, responden bersetuju dengan kaedah pembelajaran informal seperti yang dinyatakan Cross (2010) iaitu yang pertama ialah membaca bahan bercetak. Dapatan kajian ini juga menyatakan bahawa kaedah pembacaan bahan bercetak dilakukan seperti membaca manual pengguna, buku panduan dan juga jurnal-jurnal yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kaedah yang kedua menggunakan media elektronik, kaedah penggunaan media elektronik seperti melayari laman sosial seperti *Google*, *Facebook*, *Yahoo* dan *Youtube*.

Strategi seterusnya yang digunakan guru yang mengajar mata pelajaran Teknologi Kejuruteraan ini ialah dengan melalui bertanya kepada ketua jabatan, rakan sekerja, pakar bidang dan mentor. Selain itu, pemerhatian ke atas perlakuan orang lain dalam melakukan sesuatu perkara dapat memberi manfaat dalam usaha mempelajari sesuatu (Rogers, 2014). Pemerhatian ialah iaitu individu memerhati perlakuan orang lain dan seterusnya meniru dan mencuba untuk mempraktikkannya. Kaedah seterusnya ialah membuat rujukan, hasil kajian mendapati bahawa tempat-tempat seperti universiti, perpustakaan, kedai buku, karnival dan lawatan ke pusat latihan teknikal dijadikan sebagai tempat bagi guru yang mengajar mata pelajaran Teknologi Kejuruteraan membuat rujukan. Selain itu, hasil kajian ini menyatakan bahawa dengan kaedah pembelajaran informal yang dilakukan, pengetahuan mereka semakin bertambah dan dapat mendalami ilmu, mereka juga dapat mempelajari ilmu yang baharu serta dapat membina sikap yang positif terhadap tugas iaitu tampil dengan lebih yakin dalam menjalankan tugas.


Kesan Pembelajaran Informal

Pembelajaran informal dalam jangka pendek, sederhana dan Panjang turut memberi kesan kepada pembangunan kerjaya seseorang individu dan ia berlaku menerusi peningkatan pengetahuan, kemahiran dan sikap. Yeol Yoon *et al.* (2018) menjalankan kajian mengenai pembelajaran informal yang melibatkan 317 orang pekerja di sebuah syarikat di Korea. Kajian ini dilakukan bagi melihat hubungan antara pembelajaran informal dan komitmen kepada organisasi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara pembelajaran informal dan komitmen kepada organisasi kerana pembelajaran informal memberi kesan yang positif juga kepada keberkesanan diri. Selain itu, pembelajaran informal memberi kesan kepada pekerja dalam aspek peningkatan pengetahuan dan sikap. Justeru, keberkesanan diri pekerja juga meningkat dan langsung memberi komitmen yang positif kepada organisasi. Bukan itu sahaja, hasil kajian ini menyatakan bahawa penglibatan individu dengan pembelajaran menggalakkan keberkesanan diri seterusnya dapat mempengaruhi motivasi seseorang dan prestasi pekerja tersebut.

Kyndt *et al.* (2016) telah menjalankan kajian berkaitan pembelajaran informal di tempat kerja dan melibatkan 208 jururawat di sebuah hospital di Belgium. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran informal di tempat kerja adalah sebuah proses yang kompleks. Dapatan kajian ini tidak menunjukkan sebarang hubungan yang signifikan antara motivasi pembelajaran dan hasil pembelajaran di tempat kerja. Ini bermakna walaupun seseorang individu sudah bersedia untuk menerima pembelajaran ini tidak bermakna akan membantu mereka untuk membangunkan pengetahuan, kemahiran ataupun sikap mereka. Hal ini kerana pengkaji menyatakan bahawa jururawat sanggup belajar dan mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar tidak menjamin mendapat hasil pembelajaran yang baik. Bukan itu sahaja, kajian ini mendapati bahawa melatih dan mementor tidak dapat memberi hasil pembelajaran informal yang baik. Justeru, proses pembelajaran informal dengan mementor atau melatih tidak memberi kesan yang baik kepada kompetensi jururawat.

Kerangka Kajian

Rajah 2 menunjukkan kerangka kajian yang dikonstruksi berdasarkan sorotan kajian lepas yang telah dibincangkan sebelum ini. Kerangka kajian ini turut mengambil kira elemen-elemen daripada model pembelajaran informal oleh Marsick dan Watkins (1999). Tiga elemen penting dalam kajian ini iaitu faktor pendorong, strategi pembelajaran dan kesan pembelajaran terhadap individu akan dikaji.



Rajah 2 Kerangka Kajian

3.0 METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang mana kaedah temu bual merupakan sumber utama untuk mendapatkan data kajian ini. Kaedah kualitatif dipilih untuk digunakan dalam kajian ini adalah kerana ia bersifat terbuka dan luas dan sesuai untuk digunakan bagi mengkaji kehidupan individu, perspektif, pengalaman dan tingkahlaku sosial manusia (Rosenthal, 2016).

Kajian kes menurut Creswell (2007) berguna dalam mengamati suatu fenomena yang unik dan spesifik secara mendalam yang bersifat 'bounded'. Menerusi kajian kes menurut Corbin dan Strauss (2008) sesuatu fenomena yang dikaji dapat difahami dengan kritis dan mendalam berdasarkan kepada keunikan kes yang berkaitan. Justeru, kajian ini meneroka kes pengusaha bengkel automatif di Kawasan bandar dalam kalangan pengusaha Melayu. Pengkaji mendapati kes ini agak unik dan menarik memandangkan majoriti pengusaha bengkel automatif di Kawasan bandar adalah daripada kalangan pengusaha bukan Melayu. Kewujudan bengkel automatif di tengah-tengah persaingan dengan bangsa lain ini amat menarik untuk diterokai khususnya dalam konteks pembelajaran informal.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa kajian kualitatif ini merupakan cara untuk pengkaji lebih memahami isi-isi yang tersirat dan memperoleh pemahaman yang lebih dalam dan jelas terutamanya apabila ia berkait dengan pengalaman individu seperti pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan pengusaha bengkel automatif.

Pensampelan dan Saiz Sampel

Pengkaji telah memilih individu yang terdiri daripada pengusaha bengkel automatif yang mempunyai pengalaman pembelajaran informal dalam bidang automatif sebagai sampel kajian. Pemilihan responden untuk kajian ini adalah secara bertujuan (*purposive sampling*) iaitu melibatkan penelitian yang terperinci mengenai pengalaman hidup responden. Pensampelan bertujuan digunakan untuk mendapatkan maklumat yang padat dari sumber yang terhad. Menurut Creswell (2007), pensampelan ini dijalankan dengan cara mengenalpasti individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atau individu yang mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan topik kajian. Pemilihan responden yang memenuhi kriteria yang diinginkan adalah melalui kenalan yang terdekat dan juga ahli keluarga.

Oleh itu, pemilihan sampel adalah seperti kriteria berikut;

- (i) Lelaki,
- (ii) Pengusaha bengkel automatif yang berpengalaman,
- (iii) Terlibat dalam pembelajaran informal sepanjang berada di dalam bidang automatif dan juga sebagai pengusaha bengkel automatif, dan
- (iv) Pengusaha bengkel automatif di sekitar kawasan Majlis Bandar Kota Tinggi.

Mohd Azhar (2012) menyatakan bilangan sampel bagi kajian kualitatif adalah dalam bilangan yang kecil. Justeru, lima responden yang dipilih merupakan pengusaha bengkel automatif di kawasan sekitar Bandar Kota Tinggi, Johor sahaja. Pengkaji memilih pengusaha

bengkel automotif yang berada di sekitar Bandar Kota Tinggi kerana terdapat banyak bengkel automotif yang diusahakan di kawasan Bandar Kota Tinggi dan sentiasa menerima jumlah pelanggan yang ramai. Matlamat utama penyelidikan kualitatif bukanlah untuk generalisasi tetapi untuk mendapat pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu perkara, jadi penyelidikan kualitatif ini sangat bergantung kepada pensampelan bertujuan (Adnan, 2016).

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan bagi mengumpul data atau maklumat untuk tujuan menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Beberapa elemen telah diperkenalkan untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat untuk melaksanakan kajian ini. Antaranya seperti pengkaji dan soalan temu bual.

(i) Pengkaji

Diri pengkaji merupakan instrumen utama bagi mendapatkan maklumat data (Glaser & Strauss, 2009). Pengkaji merupakan instrumen yang paling utama dalam menjalankan sebarang penyelidikan termasuklah penyelidikan kualitatif. Hal ini kerana, pengkaji merupakan individu yang menggerakkan kajian ini dan juga pengkaji mempunyai tanggungjawab untuk menyiapkan kajian yang dilakukan.

(ii) Soalan Temu Bual

Kajian kualitatif menggunakan soalan temu bual sebagai instrumen untuk mendapatkan data dan soalan temu bual merupakan elemen yang sangat penting kerana ia sebagai garis panduan untuk pengkaji untuk tidak terpesong daripada objektif kajian (Corbin dan Strauss, 2008). Menurut Othman (2006), temu bual merupakan salah satu cara untuk mengumpul data kajian kualitatif. Hal ini kerana, dengan kaedah temu bual pengkaji dapat mengetahui dan memahami sesuatu peristiwa dengan lebih mendalam dan lebih jelas mengenai pengalaman seseorang. Soalan temu bual yang direka perlulah selari dengan objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan (Othman, 2006).

Soalan temu bual dalam kajian ini dikategorikan kepada empat bahagian iaitu;

- (i) Maklumat responden.
- (ii) Faktor-faktor yang mendorong pengusaha bengkel automotif melibatkan diri dalam pembelajaran informal.
- (iii) Strategi pembelajaran yang terlibat dalam proses pembelajaran informal.
- (iv) Kesan selepas terlibat dalam proses pembelajaran informal.

Pengurusan dan Analisis Data

Menurut Firman (2018), analisis data dilakukan selama proses pengumpulan dan setelah data dikumpulkan secara keseluruhan. Dalam menganalisis data kualitatif, terdapat proses transkripsi data, saringan data, pembinaan tema-tema, pengekodan tema dan paparan hasil data (Ranjit, 2014). Pengkaji menggunakan kaedah perbandingan berterusan dalam membina tema dan sub tema dengan mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara data responden yang diperolehi daripada temu bual yang dijalankan. Corbin dan Strauss (2008), menyatakan kaedah perbandingan berterusan (Constant Comparative Method), tema dan subtema akan ditentukan berdasarkan perbezaan serta persamaan terhadap data yang telah diperolehi. Menurut Othman (2006) terdapat dua kaedah data boleh diproses dan dianalisis iaitu dengan menggunakan perisian seperti *nvivo*, *atlasTi* mahu pun pelbagai perisian yang lain. Kaedah yang kedua adalah boleh dianalisis secara manual. Oleh kerana pengkaji tidak mahir menggunakan perisian untuk menganalisis data yang telah ditranskrip verbatim, maka pilihan yang ada adalah pengkaji menganalisisnya secara manual. Terdapat tiga tahap penting bagaimana data-data yang diperolehi ini dapat dianalisis secara manual (i) pada tahap pertama, pengekodan terbuka dibuat menerusi baris dan perenggan dengan melabelkan kata kunci yang sesuai dengan makna tersurat mahu pun tersirat (ii) pada tahap kedua, kesemua label kata kunci ini dihipunkan dibawah kategori yang khusus dan sesuai (iii) tahap ketiga, kategori-kategori yang pelbagai ini akan dihipunkan di bawah tema-tema khusus (iv) tahap akhir, kesemua tema ini akan dikelompokkan di bawah suatu tema induk yang sekali gus dapat menggambarkan fenomena kajian kes ini.

■4.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis Demografi

Seramai lima orang responden telah ditemu bual dalam kajian ini (Jadual 1). Mereka telah dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kesemua responden merupakan pengusaha bengkel automotif di Bandar Kota Tinggi, Johor. Julat umur responden adalah antara 26 tahun hingga 45 tahun.

Jadual 1 Demografi responden kajian

Kod responden	Umur	Pendidikan	Tempoh menjadi pengusaha bengkel automotif
PBA/35/01	35	Sijil Pendidikan Malaysia	5 tahun
PBA/26/02	26	Ujian Penilaian Sekolah Rendah	3 tahun
PBA/36/03	36	Sijil Pendidikan Malaysia	7 tahun
PBA/38/04	38	Penilaian Menengah Rendah	10 tahun
PBA/45/05	45	Sijil Pendidikan Malaysia	15 tahun

Faktor Pembelajaran Informal

(i) Keperluan individu

PBA35/01 menyatakan bahawa beliau sentiasa mempelajari ilmu automotif yang terkini untuk mempunyai kemahiran yang selari dengan ilmu automotif yang semakin canggih. Hal ini kerana bidang automotif yang diceburinya adalah punca pendapatan utama beliau. Buktinya:

“Bila dah minat dah mahir sikit-sikit fikir bidang automotif ini boleh buat duit sebenarnya. Jadi, aku belajar lagi benda-benda baru sebab aku rasa aku perlu tingkatan kemahiran diri aku sebab bidang automotif ni lah satu-satunya punca pendapatan aku.”

Menurut PBA38/04 pula, beliau menjelaskan bahawa beliau mempelajari ilmu automotif atas dasar diri sendiri untuk memantapkan ilmu dan kemahiran beliau untuk kebaikan masa depannya agar boleh terus bersaing dengan bengkel-bengkel yang lain.

(ii) Persekitaran

PBA35/01 menyatakan faktor persekitaran kerja yang memerlukan penggunaan peralatan automotif yang canggih menjadi faktor beliau untuk terlibat dalam pembelajaran informal. Manakala PBA38/04 pula mempunyai pengalaman yang berbeza yang mana, persekitaran kehidupan beliau sejak kecil lagi yang dibesarkan oleh bapanya yang juga seorang mekanik di rumah dan mempunyai bengkel kereta di garaj mendorong beliau untuk terlibat dalam pembelajaran informal. Buktinya:

“Memang minat dengan bidang automotif ni dari kecil lagi. Mungkin atas sebab ayah saya juga seorang mekanik. Saya dari kecil lagi dah tengok ayah buat kerja-kerja mekanik di rumah. Memang saya membesar di rumah yang luar nya garaj untuk bengkel ayah buat kerja mekanik dia. Kadang-kadang saya tolong dia buat kerja-kerja mekanik. Saya dah biasa dengan kerja-kerja mekanik.”

(iii) Minat

Menurut PBA35/01, faktor utama yang mendorong beliau untuk mempelajari ilmu automotif ialah minat beliau yang mendalam terhadap bidang automotif sejak beliau di bangku sekolah lagi. Beliau juga menyatakan bahawa minat yang mendalam terhadap bidang automotif ini kerana pengaruh dari rakan-rakan sekolahnya yang juga berkongsi minat yang sama terhadap automotif. Manakala PBA36/03, menyatakan bahawa minatnya terhadap bidang automotif bermula apabila melihat abang beliau yang mempunyai minat dengan kereta. Buktinya:

“... dulu tengok abang main kereta masa tu saya budak lagi rasa macam seronoknya kalau ada kereta, bikin sendiri kereta. Dari situ rasanya mula minat dengan kereta dan rasa nak ada ilmu pasal kereta ni.”

(iv) Motivasi

PBA36/03 menyatakan bahawa semasa bekerja di bengkel dahulu, beliau berusaha untuk menguasai ilmu dan kemahiran automotif kerana beliau mempunyai cita-cita untuk membuka bengkel kereta. Buktinya:

“...lepas bekerja dalam 3, 4 tahun, saya dah ada pasang niat untuk buka bengkel sendiri sebab tak kan saya nak bekerja dengan orang sampai tua. Cita-cita nak buka bengkel sendiri sebelum umur 30 tahun. Saya jadi semangat nak belajar lagi, nak cukupkan ilmu dan kemahiran dalam bidang automotif sebelum buka bengkel sendiri.”

(v) Keperluan kerja

Menurut PBA26/02, beliau menyatakan bahawa permintaan pelanggan ke atas aksesori kereta yang terkini membuatkan beliau berasa untuk sentiasa mengambil tahu dan mempelajari perkara tersebut. Beliau menjelaskan:

“...kadang customer lebih advance bab-bab aksesori jepun sebab memang ada yang betul fanatic dengan benda-benda tu. Kita tukang buat kena advance juga tahu benda-benda baru trend yang ada dekat Jepun. Sebab itu permintaan pelanggan. Kita kena lah belajar kalau tak susah nak dapat customer.”

Strategi Pembelajaran Informal

(i) Bahan Bacaan

PB28/04 menyatakan bahawa beliau menggunakan buku sebagai salah satu strategi pembelajaran dalam bidang automotif kerana menurut beliau ilmu bidang automotif rumit dan sangat luas. Dengan menggunakan buku sebagai sumber rujukan beliau dapat memahaminya dengan lebih mendalam. Beliau menjelaskan lebih lanjut:

“...pada saya bidang automotif ni rumit. Tak semua mekanik mempunyai kemahiran yang perfect dalam automotif ni. Sebab ilmu dan kemahiran dalam bidang automotif ni sangat luas. Bila dah tak ada orang yang kita nak rujuk untuk belajar. Kita kena rujuk buku.... buku saya rasa saya boleh faham dengan lebih detail.”

(ii) Media Elektronik

Menurut PBA45/05, beliau menggunakan media elektronik sebagai strategi pembelajaran dengan membuat carian di Google apabila beliau menerima kereta yang mempunyai kerosakan yang jarang ditemui. Kebiasaannya berlaku pada kereta-kereta moden yang berteknologi canggih. Buktinya:

“...sekarang pun kalau kita ada kereta pelanggan yang keluaran baru yang jarang kita terima dan yang jarang kita jumpa jenis kerosakannya. Kita google try cari macam mana nak buat...”

(iii) Bertanya kepada Orang Yang Lebih Pakar

Menurut PBA26/02 beliau menyatakan bahawa beliau sering bertanya kepada rakan-rakan yang telah lama dalam bidang automotif untuk belajar. Hal ini kerana, beliau masih baru di dalam dunia perusahaan bengkel. Manakala PBA45/05 menyatakan bahawa semasa beliau bekerja di tempat kerja lamanya beliau selalu bertanya dengan pekerja yang lebih lama bekerja di situ. Buktinya PBA45/05 menjelaskan:

“... sebab ilmu dengan pengalaman yang kita ada sebelum tu tak seberapa nak dibandingkan dengan pekerja yang lebih lama dekat situ. Bertanya tu memang selalu lah, itu memang cara utama untuk kita dapatkan ilmu waktu tu”

(iv) Pemerhatian

Menurut PBA35/01, beliau melakukan pemerhatian dalam proses pembelajaran beliau sejak belum mula bekerja di bengkel. Beliau menyatakan bahawa sering belajar melalui memerhati kerja mekanik yang dilakukan rakan-rakan nya yang sudah mahir dan juga melakukan pemerhatian kepada bekas majikan beliau semasa mengajar beliau di tempat kerja. Manakala PBA38/04 menyatakan bahawa beliau melakukan pemerhatian dalam pembelajaran informal beliau sejak kecil lagi kerana sering memerhati bapa beliau yang merupakan seorang mekanik membuat kerja-kerja mekanik di rumahnya. Buktinya:

“...abah saya mekanik. Saya dari kecil lagi dah tengok abah buat kerja-kerja mekanik di rumah. Memang saya membesar di rumah yang luar nya garaj untuk bengkel abah buat kerja mekanik dia. Kadang-kadang saya tolong dia buat kerja-kerja mekanik. Saya dah biasa dengan kerja-kerja mekanik. Belajar basic sikit-sikit dari abah saya.”

(v) Cuba dan jaya

Menurut PBA36/03, beliau menyatakan bahawa strategi pembelajaran yang berkesan pada diri beliau ialah dengan mengeksplorasi ilmu itu sendiri dengan cara cuba dan jaya. Beliau menyatakan bahawa beliau mempelajari sesuatu ilmu baharu apabila percubaan yang dilakukan itu sama ada berjaya atau gagal. Beliau menjelaskan:

“Erm, pada saya berkesan bila belajar sendiri, explore dan cuba sendiri buat sesuatu tu. Kira macam try and error. Kita explore sendiri ilmu tu macam mana, kalau salah kita jangan ulang lagi kesalahan tu. Kalau berjaya tu kira salah satu ilmu baru yang kita dapat dari usaha kita sendiri.”

Kesan Pembelajaran Informal

(i) Pengetahuan

PBA36/03 menjelaskan bahawa pengetahuan beliau semakin luas dalam menguruskan perusahaan bengkel seperti pengetahuan dalam mendapatkan pembekal barangan automotif. Buktinya:

“aaa orang kata pengalaman banyak pengetahuan pun makin luas. Kalau dulu nak cari sparepart kereta kita guna orang tengah. Sekarang, kita dah tahu supplier mana nak cari sparepart murah. Semua tu bukan senang nak tahu, makan masa juga sebab orang bukan senang-senang nak tunjuk ajar kita mana nak dapat murah nama pun pesaing kan, makan masa sebab nak kena rapat dengan orang buat kenalan...”

(ii) Kemahiran

PBA45/05 berpendapat bahawa belajar kemahiran perlu bersesuaian dengan minat. Jika belajar kerana minat, proses pembelajaran akan lebih mudah untuk difahami. Beliau berkata bahawa kerana minatnya terhadap automotif membuatkan beliau menguasai banyak kemahiran automotif ini. Beliau menjelaskan lebih lanjut:

“Kemahiran ni secara peribadi lah dia kena sesuai dengan minat orang tu. Tak ada minat boleh belajar kemahiran tapi lambat lah proses belajar nak faham semua tu. Tapi kalau ada minat, belajar tu memang senang faham. Kita belajar mulanya dengan ayah, kita rasa minat. Nak belajar tu pun kita minat. Alhamdulillah lah kemahiran memang dah banyak kuasai tapi bukan sempurna, masih belajar lagi sebab ilmu automotif ni tak akan habis sebab teknologi makin lama makin canggih.”

(iii) Sikap

PBA35/01 dan PBA38/04 mempunyai penjelasan yang sama dengan PBA45/05 bahawa terdapat perubahan sikap selepas melakukan pembelajaran informal. Mereka menjadi lebih yakin dalam melakukan kerja mereka dan mempunyai keyakinan untuk membuka perniagaan bengkel automotif setelah menguasai pengetahuan dan kemahiran automotif. Beliau menjelaskan:

“...pertama kalau nak berjaya sampai ke tahap ni ialah kena yakin. Yakin dengan sendiri yang kita mampu. Kalau bukan sebab ilmu yang kita ada, kita tak yakin nak buka bengkel sendiri. Kita buka bengkel pada tahun 2004, pada tahun 2006 tu banjir besar di Kota Tinggi, kedai kita memang teruk senang kata total lost lah. Tapi sebab yakin, yakin dengan diri sendiri yakin dengan rezeki Allah, kita bangun balik cari modal pinjam dengan bank. Kita bangunkan semula malah lagi bagus daripada sebelum, kita kembangkan lagi perniagaan dengan tambah produk jualan. Alhamdulillah lah. Lagi satu, nak berjaya ni kita perlukan semangat jangan mudah putus asa.”

Manakala PBA26/02 pula menyatakan bahawa beliau menjadi kurang bergantung dengan orang apabila sudah semakin pandai. Beliau sudah kurang bertanya kepada rakan beliau malah beliau cuba mempelajarinya sendiri. Buktinya:

“...ermm kalau dulu pergi bengkel kawan tanya, tengok macam mana dia buat sekarang dah tahu sikit benda-benda tu cuba buat sendiri, cuba sendiri benda baru sebab skill dah ada pengetahuan pun ada cuba je lah. Kalau betul2 tak boleh baru tanya kawan.”

Menurut PBA36/03, beliau mempunyai perubahan sikap menjadi lebih bersifat terbuka. Beliau menjelaskan setelah mempunyai pengalaman belajar dengan orang, beliau lebih bersifat terbuka mendengar kritikan dan komen. Jelasnya lagi, walaupun sudah mempunyai pengalaman yang banyak tetapi jangan sombong dalam menerima teguran dan ajaran. Buktinya:

“...walaupun saya dah banyak pengalaman, belajar dengan macam-macam orang, dah buka bengkel sendiri satu je kita tak boleh sombong, kena terbuka dengar kritikan komen-komen daripada kawan. Kadang kita rasa kita betul, tapi kawan-kawan ada lagi ilmu yang lebih power dari kita. Walaupun kita rasa dah berjaya tapi jangan sesekali sombong, jadi seorang yang terbuka sebab itu memudahkan lagi kita nak dapat ilmu sebenarnya.”

■ 5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Faktor Pembelajaran Informal

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat lima faktor yang mempengaruhi berlakunya pembelajaran informal iaitu keperluan individu, persekitaran, minat, motivasi dan keperluan kerja. Dapatan kajian mendapati, minat merupakan faktor utama yang mendorong berlakunya pembelajaran informal dalam kalangan pengusaha bengkel automotif. Sebagai contoh, minat yang mendalam sejak kecil kerana membesar dengan persekitaran bengkel di rumah yang dijalankan oleh bapa yang bekerja sebagai seorang mekanik mempengaruhi responden untuk menjadi minat terhadap bidang automotif. Minat yang mendalam terhadap bidang automotif membuatkan pengusaha bengkel automotif mengambil keputusan untuk mempelajari bidang automotif melalui pembelajaran informal.

Selain itu, keperluan individu juga menjadi faktor dalam mempengaruhi responden membuat keputusan untuk terlibat dalam pembelajaran informal. Sebagai contohnya keperluan responden untuk mempelajari ilmu supaya dirinya mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mantap untuk menjalankan perniagaannya kerana perniagaan bengkel automotif merupakan pendapatan rezeki beliau untuk menara hidup diri dan keluarganya. Pernyataan ini bertepatan dengan Merriam *et al.* (2007) menyatakan bahawa faktor status ekonomi sosial seperti pendapatan, pekerjaan, tahap pendidikan dan demografi merupakan perkara utama yang mampu meramal penyertaan dalam aktiviti pembelajaran dewasa.

Persekitaran juga merupakan antara faktor yang mendorong pengusaha bengkel automotif untuk terlibat dalam pembelajaran informal. Persekitaran dalam kehidupan seharian responden sejak kecil yang dibesarkan oleh seorang bapa yang bekerja sebagai mekanik dan hidupnya sejak kecil lagi sudah menjadi kebiasaan melihat dan menolong bapanya melakukan kerja-kerja mekanik di bengkel garaj rumahnya menjadi penyebab responden terlibat dalam pembelajaran informal. Menurut Jung (2008), bagi mendapatkan kesan yang optimum dalam mempelajari sesuatu perkara, individu perlu mengaitkan ilmu yang telah dipelajari dengan persekitarannya dan proses pembelajaran akan menjadi lebih efektif. Faktor seterusnya ialah motivasi. Pengkaji mendapati bahawa responden termotivasi untuk melakukan pembelajaran informal apabila mereka ingin mencapai cita-cita atau sesuatu yang diinginkan. Responden mempunyai hasrat untuk membuka perniagaan bengkel semasa beliau bekerja dahulu. Bertepatan dengan hasil kajian Lohman (2006) yang menyatakan bahawa

terdapat tujuh ciri individu yang mampu memotivasi guru untuk terlibat dalam pembelajaran informal iaitu inisiatif, kecekapan diri, cintakan pelajaran, minat terhadap bidang pekerjaan, komitmen terhadap kerja, personaliti yang diasuh dan personaliti yang mudah mesra. Dapat dikaitkan bahawa pengusaha bengkel automotif mempunyai motivasi untuk terlibat dalam pembelajaran informal kerana mereka mempunyai komitmen terhadap perniagaan bengkel automotif mereka.

Keperluan kerja menjadi faktor kepada responden untuk belajar apabila wujudnya rasa tanggungjawab yang besar terhadap kerja yang dilakukannya. Pengkaji mendapati bahawa responden mempunyai tanggungjawab menjalankan perniagaannya dan memenuhi kehendak pelanggan bengkel mereka. Responden menghadapi pelanggan yang mempunyai permintaan ke atas aksesori kereta yang baru dari Jepun. Bersesuaian dengan kenyataan Eraut (2004), faktor konteks yang boleh mempengaruhi pembelajaran mempunyai elemen-elemen seperti pembahagian dan penstrukturan kerja, jangkaan tugas individu, prestasi, perkembangan, pertemuan dan hubungan dengan pekerja lain di tempat kerja.

Strategi Pembelajaran Informal

Bertanya kepada orang yang lebih pakar adalah strategi yang diakui semua responden menggunakannya. Orang yang lebih pakar yang dimaksudkan dalam hasil kajian ini adalah rakan-rakan yang lebih mahir dan juga bekas majikan bengkel yang bekerja dahulu. Menurut responden merujuk orang yang lebih pakar atau juga dikenali sebagai mentor sangat membantu responden untuk mendapatkan ilmu. Selari dengan Azizi *et al.* (2011) yang menyatakan bahawa bertanya kepada orang yang lebih mahir atau pakar terhadap sesuatu bidang itu merupakan elemen yang sangat penting untuk melaksanakan tugas seharian.

Selain itu, bahan bacaan juga merupakan salah satu strategi pembelajaran informal yang digunakan pengusaha bengkel automotif. Responden berpendapat bahawa dengan menggunakan buku, beliau dapat mempelajari sesuatu dengan lebih terperinci. Pendekatan pembelajaran yang menggunakan bahan bercetak seperti buku, nota, majalah, surat khabar dan jurnal dapat memberi kesan yang positif kepada pelajar untuk mereka memahami dengan lebih mendalam terhadap sesuatu perkara (Lewis dan Tsuchida, 2003).

Clarke (2005) mendapati bahawa satu cara yang berkesan untuk mendapatkan sebarang maklumat atau ilmu pengetahuan adalah dengan cara menggunakan media elektronik. Pembelajaran melalui membuat carian di Google dan menonton *video tutorial* di *Youtube* merupakan strategi pembelajaran informal para pengusaha bengkel automotif. Hal ini kerana, dengan menggunakan internet, bahan pembelajaran mudah dicari dan cepat diperolehi.

Strategi pembelajaran yang seterusnya ialah pemerhatian. Responden terlibat dalam pembelajaran informal dengan pemerhatian yang dilakukan kepada rakan-rakan, bapa dan juga bekas majikan. Pemerhatian merupakan strategi pembelajaran yang berkesan dan mudah untuk difahami kandungan pembelajarannya. Menurut pandangan Eraut (2004) mengenai pembelajaran informal melalui pemerhatian merupakan perbuatan yang memberikan manfaat kepada manusia.

Cuba dan jaya ialah suatu bentuk pembelajaran dimana pelajar akan mempelajari dengan mencuba perkara-perkara yang baru dan akan menerima jika pembelajaran yang dipelajari membawa kepada penghasilan yang baik (Young, 2009). Responden menerokai ilmu sendiri dengan cara mencuba hingga berjaya dan mempelajarinya dari kesusialan dan kejayaan percubaan tersebut contohnya menggunakan ilmunya dan mempraktikkan di kenderaan, jika berlaku kesusialan dan tidak berjaya maka tindakan tidak perlu diulang lagi dan jika percubaan itu berjaya maka pembelajaran yang berlaku berkesan.

Kesan Pembelajaran Informal

Kesan pembelajaran informal yang pertama ialah kesan ke atas pengetahuan. Responden berpendapat bahawa peningkatan ke atas pengetahuan adalah selari dengan tempoh pengalaman. Semakin banyak pengalaman seseorang dalam bidang automotif, semakin tinggi pengetahuan yang diperolehinya. Menurut Rovai (2002), beliau menyatakan bahawa berinteraksi dengan orang yang berpengalaman dan berkebolehan di dalam sesuatu bidang akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan serta mempelajari tentang sesuatu perkara.

Rata-rata responden mengatakan mereka mempunyai peningkatan kemahiran selepas terlibat dalam pembelajaran informal. Peningkatan kemahiran yang diperolehi adalah daripada hasil pengalaman dari bekerja dan minat yang mendalam memainkan peranan untuk responden mudah memahami apa yang diajar dan kerana minat, kemahiran yang diperolehinya sekarang sudah semakin luas.

Menurut Ahmad Johari (2008), behaviorisme merupakan satu pendekatan pemikiran yang menekankan peranan pengalaman dalam mengawal tingkahlaku. Dalam konteks kajian ini, setelah terlibat dengan pembelajaran informal responden menerima perubahan sikap yang positif. Responden berasa kurang bergantung untuk merujuk kepada orang yang lebih pakar dalam melakukan kerjanya apabila beliau sudah menguasai pengetahuan dan kemahiran. Selain itu, peningkatan pengetahuan dan kemahiran akan membuatkan responden lebih yakin dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang mekanik. Perubahan sikap responden untuk menjadi lebih bersifat terbuka setelah mempunyai banyak pengalaman berinteraksi dengan orang bagi tujuan pembelajaran. Berfikiran terbuka merupakan sesuatu keinginan untuk mendengar lebih daripada satu bahagian daripada satu isu dan memberi perhatian kepada pandangan alternatif.

Limitasi dan Cadangan

Kajian kes ini amat menarik dan memberi sumbangan penting dalam memahami factor, strategi dan peranan pembelajaran informal dalam kalangan pengusaha bengkel automotif di Kawasan bandar. Namun begitu, terdapat beberapa limitasi kajian yang sedikit sebanyak memberi kesan dalam pemerolehan data di lapangan. Limitasi paling besar adalah untuk mengakses pengusaha bengkel kerana mereka sangat sibuk dengan urusan membaiki kenderaan. Terdapat dalam kalangan pengusaha yang mengusahakan sendiri bengkel dan ini menyebabkan urusan temubual terpaksa dibuat pada waktu dan masa di luar waktu bekerja. Sementelahan pula, kesemua pengusaha bengkel ini ialah lelaki justeru, pengkaji terpaksa membawa teman semasa temubual dijalankan. Selain itu, pengkaji mendapati istilah dan jargon spesifik seperti pembelajaran informal dan pelbagai yang lain mestilah diminimumkan penggunaannya. Pengkaji perlu lebih bersedia dengan soalan yang mudah untuk difahami oleh informan.

Kajian ini telah memberi fokus kepada pengusaha bengkel automotif sahaja, namun untuk kajian pada masa akan datang boleh divariasikan dari segi bidang kerja dengan menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji akan datang disarankan agar menjalankan kajian di serata Malaysia. Bukan itu sahaja, saranan untuk pengkaji akan datang agar mereka memberi fokus terhadap proses pembelajaran

informal dengan faktor demografi jantina dan pendidikan. Selain itu, pengkaji akan datang disarankan menggunakan teori-teori lain bagi menguji faktor, strategi dan kesan pembelajaran informal. Bukan itu sahaja, kajian yang lebih spesifik boleh diberikan tumpuan terhadap elemen-elemen faktor dan strategi pembelajaran informal. Hal ini dapat memberikan suatu pandangan yang luas kepada bakal pembaca kajian tersebut mengenai perbezaan faktor, strategi dan kesan pembelajaran informal berubah mengikut waktu.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya menjawab ketiga-tiga persoalan kajian yang utama dan sekaligus dapat memberi nilai tambahan dalam konteks pembelajaran informal. Pembelajaran informal yang berlaku kepada pengusaha bengkel automotif memerlukan faktor-faktor yang bersifat dalaman dan luaran untuk membantu ianya berlaku. Strategi pembelajaran informal yang digunakan seperti bahan bacaan, media elektronik, bertanya kepada orang yang lebih pakar, pemerhatian dan cuba dan jaya bergantung kepada kesesuaian individu dan jelaslah strategi pembelajaran informal yang efektif akan memberi kesan positif ke atas pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Rujukan

- Abdullah Z. (2006). *Pola Pembelajaran Informal Di kalangan Staf Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor, Johor Bahru*. Skudai: UTM. Tesis Sarjana. Tidak diterbitkan.
- Ahmad Johari. S (2008). *Bab 11: Teori Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahya. (2011). Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan. *Journal of Technical, Vocational and Engineering Education*, 1, 20-28.
- Clarke, N (2005). 'Workplace Learning Environment and Its Relationship with Learning Outcomes in Healthcare', *Human Resource Development International*, 8(2), 44-120.
- Corbin, J. Dan Strauss, A. (2008). *Basic Of Qualitative Research: Techniques And Procedure For Developing Grounded Theory (3rd Ed.)*. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Cresswell, J. W. (2007). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Approach (2nd Edition)*. Thousand Oaks, Ca: Sage Publications
- Cross, J. (2010). *Informal Learning: An Interview with Jay Cross*. Pfeiffer, San Francisco. 100-129.
- Cullen, J., Batterbury, S., Foresti, M., & Lyons, C. (2000). *Informal learning and widening participation*. DfEE Research Report No. 191. Retrieved Oct 4, 2015, from <https://www.education.gov.uk/publications/eOrderingDownload/>
- Dunn. D. G. (2009). *An Analysis of Informal Learning In The 21st Century Workplace*. Capella University Capella University ProQuest LLC.
- Ellinger, A. D., & Cseh, M. (2007). Contextual factors influencing the facilitation of others' learning through everyday work experiences. *Journal of Workplace Learning*, 19(7), 435-452.
- Eraut, M. (2004). *Informal Learning In The Workplace*. University of Sussex: UK. Bristol: The Policy Press. 2-29.
- Firman (2018). *Analisis Data dalam Penelitian Kualitatif*. Jurusan Bimbingan Dan Konseling FIP Universitas Negeri Padang.
- Garrick, J. (1998). *Informal Learning In The Workplace: Unmasking Human Resource Development*. London: Routledge.
- Jamil Abd Baser (2014). *Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Guru Mata Pelajaran Teknologi Kejuruteraan*. Unpublished Ph.D Dissertation. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jung E.J (2008). Comparison of Major Learning Paradigms, Instructional Technology. University of Georgia. *Journal of Educational Technology Development and Exchange*. 3(2), 12-25.
- Kyndt, E., Vermeire, E., & Cabus, S. (2016). Informal Workplace Learning Among Nurses. *Journal Of Workplace Learning*, 28(7), 435-450. doi: 10.1108/jwl-06-2015-0052.
- Othman Lebar (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lewis and Tsuchida (2003). *A lesson is like a swiftly flowing river: How research lessons improve Japanese education*. American Educator. Winter: 12-17.
- Lohman M.C (2006). *Factors Influencing Teachers'engagement In Informal Learning Activities*. Penn State University-Harrisburg, Middletown, Pennsylvania, USA. Emerald
- Malcolm, J., Hodkinson, P., & Colley, H. (2003). The Interrelationships Between Informal And Formal Learning. *Journal of Workplace Learning*, 15(7/8), 313-318. doi: 10.1108/13665620310504783: 14 – 25.
- Marsick, V.J & Watkins, K.E. (2018). "Introduction to the Special Issue: An Update on Informal and Incidental learning Theory. Dalam Scully-Russ, E et al eds.). *New Directions For Adult & Continuing Education*. No. 159. New York: Wiley. 9 – 18.
- Merriam, S.B, Caffarella, R.S & Baumgartner, L. M (2007). *Learning In Adulthood:A Comprehensive Guide*. New York: John Wiley & Sons. Inc.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid. (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam di Johor Bahru*. Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Hasna Nik Mahmood (2005). *Pembelajaran Informal Pengetahuan dan Kemahiran Pengurusan dan Pemindahan Pembelajaran Di Kalangan Ketua Jururawat*. Tesis Ph.D UPM
- Nor Atiqah binti Abu Bakar (2015). *Faktor-faktor Pendorong dan Penghalang Pembelajaran Informal dalam Kalangan Kakitangan Majlis Perbandaran Kulai, Johor*. Tesis Sarjana Muda, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Omar S. S. (2006). *Pembelajaran Informal Di Tempat Kerja: Satu kajian Di Maktab Perguruan Batu Pahat, Johor*. Skudai: UTM: Tesis Sarjana: Tidak diterbitkan.
- Ranjit Kumar. (2019). *Research methodology: A step-by-step guide for beginners*. Sage Publications Limited.
- Rosenthal, M. (2016). Qualitative Research Methods: Why, When, And How To Conduct Interviews And Focus Groups In Pharmacy Research. *Currents In Pharmacy Teaching And Learning*, 8, 509-516. doi: <http://dx.doi.org/10.1016/j.cptl.2016.03.021>
- Rogers, A. (2014). *The Base of the Iceberg: Informal Learning and Its Impact on Formal and Non-Formal Learning*. Toronto: Barbara Budrich Publishers.
- Rovai, A. P. (2002). *Development Of An Instrument To Measure Classroom Community*. *Internet And Higher Education*, 5(3), 197 – 211.RR191.pdf.
- Saziana Binti Mohd Amran (2007). *Pola Pembelajaran Di Tempat Kerja: Satu Kajian Dalam Kalangan Kakitangan Ranhill Water Servies, Johor Bahru, Johor*. Projek Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia,UTM.
- Sharafizad, J. (2018). Informal Learning Of Women Small Business Owners. *Education + Training*, 60(1), 82-103. doi: 10.1108/et-01-2017-0006
- Suhaila (2018). *Pusat servis, bengkel akan diwajibkan miliki lesen khas*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/379456/pusat-servis-bengkel-akan-diwajibkan-miliki-lesen-khas>. Access on 26 Julai 2020
- Yoon, D., Han, S., Sung, M., & Cho, J. (2018). Informal learning, organizational commitment and self-efficacy. *Journal Of Workplace Learning*, 30(8), 640-657. doi: 10.1108/jwl-02-2018-003
- Young, H. P. (2009). Learning by trial and error. *Games and Economic Behaviour*, 65(2), 626-643.

- Zubaidah Begam binti Mohamed Zakaria (2006). *Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik: Tinjauan di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*: Tesis Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Zulkarnain Bin Yaacon (2006). *Pola Pembelajaran Informal Di Kalangan Staf Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor, Johor Bahru*. Projek Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia).Skudai: UTM